



Panasonic

A Better Life, A Better World



Graduan usahawan perlu fleksibel urus perniagaan

April 16, 2021 @ 11:01am



Kerajaan dan universiti menggalakkan mahasiswa untuk menjadikan usahawan sebagai kerjaya, tidak hanya mencari pekerjaan seperti biasa.

Harus diingat, usahawan tidak dapat mengusahakan perniagaannya sendirian, sebaliknya perlu menggaji pekerja untuk meneruskan kelangsungan operasi dan mengembangkan perniagaan.

Mereka bukan hanya semata-mata usahawan muda belia, sebaliknya menjadi majikan mempunyai tanggungan dan bertanggungjawab terhadap pekerja. Kemahiran menguruskan pekerja pula hanya boleh digarap melalui pengalaman, bukan buku dan teori semata-mata.

Graduan usahawan perlu mendalami ilmu dan peraturan berkaitan tenaga buruh antaranya peraturan gaji minimum, waktu kerja serta keselamatan di tempat kerja.

TERKINI


PILIHAN PEMBACA

- 8m [Mangsa banjir di Kelantan meningkat, empat negeri turun](#)
- 20m [Sistem InfoBencana JKM tergendala](#)
- 1h [Yayasan Hasanah digesa anjur program psikososial](#)
- 1h [Operator kilang rempuh kereta pegawai polis, pesara tentera](#)
- 2h [Penjenayah Perancis ditahan selepas 20 tahun melarikan diri](#)
- 2h [Kerajaan waspada sebelum buka pelayaran persiaran antarabangsa](#)
- 2h [Pengembom berani mati dibunuh di Kabul](#)
- 2h [2 terbunuh dalam letupan di kompleks mahkamah India](#)

DISYORKAN UNTUK ANDA

Apabila menjadi majikan, usahawan perlu meletakkan kebajikan pekerja mendahului diri sendiri.

Sebagai majikan, graduan usahawan berhadapan staf yang mempunyai pelbagai sikap dan kerenah. Selagi mana pekerja dapat melunaskan tugas diberi dengan baik, tentu majikan akan lega.



Namun, jika berlaku sebaliknya, teguran dan tunjuk ajar perlu diberikan dengan harapan kesilapan lama tidak berulang. Sekiranya masih berulang, produktiviti dan kualiti kerja akan menurun.

Apatah lagi sekiranya pekerja dibayar gaji, tidak melunaskan tugas seperti diharapkan majikan. Sejauh manakah mereka bersedia menghadapi cabaran dalam konteks pengurusan sumber manusia?

Proses pembuatan keputusan membabitkan aspek kemanusiaan bukan mudah, terutama bagi graduan usahawan yang mungkin menggaji pekerja lebih berpengalaman dalam skop kerja diberikan.

Pendapatan hasil perniagaan bukan lagi milik mutlak, sebaliknya ia perlu digunakan sebagai bayaran kepada pembekal, gaji pekerja, belanja overhead dan pelbagai tanggungan bulanan.

Bukan mustahil ada ketikanya, pendapatan bersih majikan jauh lebih rendah daripada pekerjaannya. Ada juga situasi majikan perlu menggadaikan harta peribadi untuk memastikan tanggungan perniagaan dapat dilangsaikan.

Berdasarkan cabaran itu, sejauh manakah graduan usahawan bersedia menjadi majikan?

Hakikatnya, menguruskan sumber manusia atau modal insan bukanlah mudah kerana tiada satu teori pengurusan manusia dapat dipakai untuk semua situasi. Justeru, mereka perlu bersikap fleksibel untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi.

Malah, usahawan tidak boleh lari daripada memberikan perhatian kepada perniagaan dan bagaimana menjadi majikan yang baik.

Apa yang penting, graduan usahawan perlu sentiasa sedia belajar untuk berdepan cabaran menguruskan perniagaan, termasuk pengurusan modal insan dalam organisasinya.

Dr Noorul Azwin Md Nasir

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan

VAKSIN



NASIONAL 11 jam yang lepas
3,510 kes baharu COVID-19



ASEAN Dis 21, 2021 @ 8:24pm
Thailand kenakan semula kuarantin



EROPAH Dis 21, 2021 @ 9:26am
EU benarkan Novavax sebagai vaksin COVID-19 kelima



AMERIKA Dis 21, 2021 @ 8:44am
Moderna yakin dos penggalak berkesan lawan Omicron



NASIONAL Dis 20, 2021 @ 4:36pm
Jangkitan baharu kurang 3,000 kes hari ini




NASIONAL Dis 19, 2021 @ 4:26pm
Hanya 3,108 kes COVID-19 hari ini

TRENDING



NASIONAL 4 jam yang lepas
SIRIM beri kerja tetap, biaya pelajaran anak mangsa nahas ELITE



EROPAH 8 jam yang lepas
Mikrocip sebesar beras simpan rekod vaksinasi COVID-19

KES 10 jam yang lepas